

# Memandu cuai, gadis dibebas dengan bon berkelakuan baik

**SIBU:** Mahkamah Majistret di sini, semalam membebaskan seorang gadis dengan bon berkelakuan baik selama dua tahun dengan ikat jamin RM2,000 atas pertuduhan memandu secara cuai serta tanpa perhatian sewajarnya.

Ella Tie, 21, dibebaskan dengan bon terbabit setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan di hadapan Majistret Oon Kork Chern bagi pertuduhan di bawah Seksyen 43, Akta Pengang-

kutan Jalan 1987.

Sabit kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah didenda tidak kurang RM5,000 dan tidak lebih RM10,000 dan juga boleh dipenjara bagi tempoh tidak lebih 12 bulan, selain dilarang daripada mengambil atau memiliki lesen memandu.

Mengikut pertuduhan, Tie didakwa memandu kenderaan jenis Hyundai Tucson itu secara cuai serta tanpa perhatian sewajarnya di Jalan Hulu Lanang menuju ke Jambatan Lanang

pada 3 Mei 2024, jam lebih kurang 6.22 pagi.

Kemalangan berlaku apabila tertuduh cuba memotong sebuah motosikal yang ditunggang secara pelahan di lorong sebelah kiri oleh seorang lelaki berumur 37 tahun.

Namun tertuduh terlanggar motosikal mangsa dari belakang, menyebabkan mangsa terjatuh ke atas jalan dan disahkan mati oleh pegawai perubatan yang tiba di tempat kejadian.